

Bantu kembangkan perusahaan kecil dan sederhana peringkat serantau

Malaysia setuju tubuh ASEAN SME Bank

Oleh ROKIAH ABDULLAH

rokiah.abdullah@utusan.com.my

■ IPOH 22 NOV.

MALAYSIA menyambut baik cadangan penubuhan ASEAN SME Bank, iaitu sebuah bank khusus untuk syarikat-syarikat mikro serta kecil di peringkat serantau bagi membolehkan kumpulan itu mengembangkan perniagaan.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, melalui penubuhannya nanti, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara serantau dapat memperoleh banyak manfaat dan akses bantuan

segera.

Tambahan pula, kata Ahmad Husni, ketika ini di beberapa negara ASEAN, kebanyakan usahawan terlibat tidak mendapat banyak kemudahan yang boleh membantu mereka mengembangkan perusahaan masing-masing.

"Tidak seperti negara kita yang telah sekian lama mengambil inisiatif membantu usahawan kecil di negara ini termasuk menyediakan bantuan melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan



AHMAD HUSNI HANADZLAH

yang dibuat untuk membangunkan ASEAN SME Bank untuk membantu kumpulan berkenaan dan perkara itu sedang kita teliti," katanya dalam

Bank Simpanan Nasional (BSN) yang membuka lebih 5,000 cawangan serta beroperasi di kawasan pedalaman, kemudahan seperti ini tidak terdapat di kebanyakan negara anggota.

"Jadi kita sedang berusaha ke arah mewujudkan integrasi perbankan dalam kalangan negara ASEAN.

"Pada masa sama, kita juga menerima cadangan

sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Sambutan Deepavali Parlimen Tambun di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tambun di sini hari ini.

Lebih 1,000 masyarakat berbilang kaum terutama kaum India di kawasan tersebut menghadiri majlis berkenaan yang menyajikan pelbagai juadah istimewa termasuk capati, sate, kari kambing dan tosei.

Tambah Ahmad Husni, beliau turut berharap cadangan penubuhan bank khusus itu dipersetujui oleh negara ASEAN yang lain.

Sementara itu, Ahmad Husni berkata, ASEAN memerlukan integrasi sepenuhnya terutama membabitkan kewangan dan perbankan kerana

perkara itu dilihat masih perlahan.

Meskipun begitu, kata beliau, negara rantau ASEAN masih mampu mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang baik iaitu lebih daripada lima peratus ketika keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu.

"Pencapaian itu ketika kita masih belum mencapai integrasi sepenuhnya, bagaimana kalau kita dapat mencapai integrasi sepenuhnya?

"Saya rasa ia akan memberikan kesan positif termasuk menaikkan jumlah golongan pertengahan selain mewujudkan lebih banyak penglibatan syarikat-syarikat mikro dan kecil dalam ekonomi dan perdagangan serantau dalam pasaran yang lebih luas," katanya.



Pada masa sama, kita juga menerima cadangan yang dibuat untuk membangunkan ASEAN SME Bank bagi membantu kumpulan berkenaan dan perkara itu sedang kita teliti."

AHMAD HUSNI HANADZLAH
Menteri Kewangan II